

16/01/1997

KPB berusaha pertingkat kecekapan

KONSORTIUM Perkapalan Bhd (KPB), kini membuat pelbagai persediaan yang perlu dalam usaha membina imejnya menjadi pengendali perkhidmatan lojistik serantau yang mudah, cekap dan berkesan.

Pengerusi Eksekutif KPB, Mirzan Mahathir, berkata beberapa perkembangan mutakhir syarikat sebenarnya sudah menempatkan kumpulan itu dalam kedudukan yang sesuai untuk mencapai matlamat berkenaan.

Menurutnya, dengan rangkaian yang meluas di peringkat tempatan dan antarabangsa, KPB kini sebenarnya sedang berkembang menjadi satu daripada pengendali lojistik serantau yang berwibawa serta disegani.

"Sehubungan itu, kami kini dalam proses menyepadukan pelbagai kegiatan lojistik yang diusahakan bagi menjamin ia dapat berkembang secara bersama dan berkumpulan," katanya.

Sebagai contoh katanya, KPB kini amat kukuh daripada segi lojistik kontena dan oleh itu, kepakaran yang sama perlu dibangunkan dalam sektor perkapalan strategik seperti pengangkutan kapal tangki gas.

Ditanya sama ada usaha itu akan membabitkan pengambilalihan syarikat lain, Mirzan berkata, KPB bersikap terbuka dan objektif dalam membuat penilaian untuk mencapai sasaran itu.

"Jika kita berpendapat ada segmen penting yang tidak dapat dimajukan secara dalaman untuk tempoh tertentu, pengambilalihan mungkin jalan paling sesuai. Bagaimanapun, proses itu ia tidak semudah menyebutnya," katanya.

Selain itu beliau berkata, KPB juga kini giat memasukkan elemen baru yang perlu untuk memantapkan lagi kedudukannya seperti memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat (IT) yang semakin menjadi orde baru dalam perniagaan.

Sehubungan itu, Mirzan berkata, pihaknya sedang mencari pihak yang sesuai untuk membantunya mendapatkan penyelesaian IT yang dapat menggabungkan dunia perniagaan dengan industri lojistik.

Untuk tujuan itu katanya, KPB sedang berbincang dengan beberapa syarikat IT terkemuka antarabangsa termasuk dari Amerika Syarikat, Eropah dan Australia yang mampu memberikannya penyelesaian itu.

(END)